

MAHATHIR - CALON

JELEBU, 23 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR.MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN SETIAP ANGGOTA UMNO SUPAYA MENGUTAMAKAN PART1 DAN BUKANNYA CALON SEMASA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI BERKATA, SETIAP ANGGOTA UMNO HENDAKLAH MELUPAKAN SOAL PERIBADI SESEORANG CALON TERTENTU TETAPI HENDAKLAH BERUSAHA MAMASTIKAN KEMENANGAN CALON BARISAN NASIONAL (BN).

SETIAP ANGGOTA UMNO PERLU BERPENDIRIAN SEDEMIKIAN BAGI MEMBOLEHKAN BN MEMENANGI DUA PERTIGA KERUSI UNTUK MENUBUHKAN KERAJAAN YANG KUAT, KATA BELIAU PADA MAJLIS TAKLIMAT KEPADA ANGGOTA UMNO NEGERI SEMBILAN DI SIMPANG DURIAN DEKAT SINI HARI INI.

+KEMENANGAN 51 PERATUS TIDAK MENGCUKUPI SEBALIKNYA BN PERLUKAN DUA PERTIGA KERUSI SUPAYA DAPAT MENJALANKAN PEMERINTAHAN DENGAN BERKESAN,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENGINGATKAN MEREKA SUPAYA JANGAN MUDAH TERPENGARUH DENGAN PUJUKAN PARTI PEMBANGKANG, TERUTAMA PART1 SEMANGAT 46 YANG CUBA MENGEKSPLOITASI RASA TIDAK PUAS HATI SESETENGAH ANGGOTA. -- LAGI.

MAHATHIR - CALON 2 JELEBU

DATUK SERI DR MAHATHIR, PART1 SEMANGAT 46 KINI SEDANG Mencari GOLONGAN YANG TIDAK PUAS HATI TERHADAP UMNO DAN MENAWARKAN BERBAGAI-BAGAI JAWATAN KEPADA MEREKA.

KATANYA, SEMASA BERKEMPEN PARA PEMIMPIN SEMANGAT 46 TELAH MENAWARKAN JAWATAN MENTERI KEPADA KIRA-KIRA 48 ORANG.

BELIAU BERKATA, UMNO SUDAH CUKUP KUAT UNTUK MENANG SEMUA KERUSI YANG DITANDINGINYA TETAPI SATU FAKTOR YANG BOLEH MENYEBABKAN KEKALAHAN UMNO IALAH JIKA ANGGOTANYA BERPECAH BELAH SEMATA-MATA KERANA TIDAK DAPAT MENJADI CALON.

KATANYA: +KITA BERADA DALAM PART1 BUKAN UNTUK JADI CALON ATAU WAKIL RAKYAT TETAPI UNTUK KEPENTINGAN BANGSA DAN NEGARA.

+KITA HARUS IKUT KEHENDAK PARTI... PILIHAN RAYA BUKANLAH SEMATA-MATA UNTUK MENAIKKAN SESEORANG TETAPI UNTUK MEMBENTUK SESEBUAH KERAJAAN.+

PERDANA MENTERI BERKATA, PARA ANGGOTA PART1 HARUSLAH MEMILIH CALON BN TANPA MENGIRA SAMA ADA CALON ITU ADALAH CALON MCA ATAU MIC.

+KITA HARUS MENGUKUHKAN SEMANGAT DAN MEMAHAM PERJUANGAN PARTI,+ KATANYA. -- LAGI.

1204tIST 23 06 90

**U B398 B A H
MAHATHIR - CALON 3 JELEBU**

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, PARA ANGGOTA PART1 HARUSLAH MEMILIH CALON BN TANPA MENGIRA SAMA ADA CALON ITU CALON HCA ATAU MIC.

KEPADA WAKIL RAKYAT LAMA YANG MUNGKIN TIDAK DICALONKAN SEMULA, BELIAU MENASIHATI MEREKA SUPAYA JANGAN KECEWA, SEBALIKNYA BEKERJA KERAS UNTUK MEMASTIKAN KEMENANGAN CALON YANG BARU.

+MEREKA HENDAKLAH BEKERJA KERAS MENAIKKAN CALON YANG BARU SEPERTI MANA ORANG YANG BARU INI BEKERJA KERAS MENAIKKAN MEREKA DAHULU, DAN BUKANNYA MENENTANG PART1 SENDIRI.

+KALAU SAYA BERSARA, SAYA BERI PENGAKUAN BAHAWA SAYA AKAN TERUS MENYOKONG PART1 INI,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MEMBIDAS GOLONGAN TERTENTU YANG MEMASUKI PART1 LAIN ATAU KONONNYA BERSIKAP BERKECUALI APABILA TELAH MENINGGALKAN PARTI.

BELIAU JUGA MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA JANGAN MEMILIH CALON BEBAS ATAU YANG BUKAN DARI PART1 PEMERINTAH KERANA CALON KERAJAAN SAHAJA YANG BOLEH MEMBERI KHIDMAT DAN KEMUDAHAN KEPADA RAKYAT.

LAWATAN DATUK SERI DR MAHATHIR KE JELEBU ADALAH SEBAHAGIAN RANGKA LAWATANNYA KE SELURUH NEGARA SEBAGAI PERSEDIAAN MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM. -- BERNAMA.

1352MST 23 06 90